

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021
(SELASA)**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pengumuman khidmat wajib minima 21 tahun bagi membolehkan semua veteran layak mendapat pencen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar semasa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membolehkan anggota Lain-Lain Pangkat ATM menerima pencen adalah setelah berkhidmat 21 tahun. Selain itu, mereka juga dibenarkan untuk menamatkan perkhidmatan lebih awal iaitu pada tahun ke-12, 15 dan 18.

Walau bagaimanapun, ATM kini sedang melaksanakan kajian bagi membolehkan anggota yang menamatkan perkhidmatan pada tahun ke-12, 15 dan 18 turut diberi pencen setelah mencapai tempoh 21 tahun dari tarikh mereka memasuki perkhidmatan.

Cadangan ini merupakan pendekatan serampang dua mata dengan mengambilkira keperluan aturgerak ATM dan pada masa yang sama turut mementingkan kebajikan anggota yang perlu bersara lebih awal dari 21 tahun.

Kajian ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tindakan selanjutnya. Sehingga kajian ini selesai dan diputuskan oleh pihak JPA, skim pencen ATM yang sedia ada ini akan terus digunakan oleh ATM.

Terima kasih.